

Karnival Haji, Umrah dan Pelancongan sasar 10,000 pengunjung

SINAR HARIAN 16/1/2024 M/S: 20 FOTOK: MOHD HALIM ABDUL WAHID

KUALA LUMPUR - Karnival Haji, Umrah dan Pelancongan 2024 kali kedua yang akan berlangsung selama tiga hari bermula 19 hingga 21 Januari ini di Hotel Movenpick KLIA, Sepang dijangka menarik 10,000 pengunjung.

Pengarah Eksekutif Haji, Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, program itu diadakan sebagai salah satu usaha untuk mempromosikan pakej haji yang disediakan oleh 25 syarikat berdaftar di bawah lesen Pengelola Jemaah Haji (PJH).

“Kita mengekalkan cogan kata ‘Pilih keselesaan, pilih pakej haji’ dan berharap karnival ini menjadi satu panduan kepada bakal jemaah haji dalam memilih kaedah menunaikan haji sama ada bersama muassasah atau menerusi pakej.

“Penekanan akan diberikan terhadap pendidikan dan penerangan kepada orang ramai mengenai tawaran yang disediakan oleh PJH,” katanya ketika sidang akhbar pada Majlis Prapelancongan Karnival Haji, Umrah dan Pelancongan 2024 di sini pada Isnin.

Hadir sama, Presiden Persatuan Pengendalian Pelancongan



Syed Saleh (dua dari kiri) dan Harun (dua dari kanan) ketika Majlis Prapelancongan Karnival Haji, Umrah dan Pelancongan 2024 di Kuala Lumpur pada Isnin.

Bumiputera Malaysia (Bumitra Malaysia), Harun KC Ahmmu; Setiausaha Agung Kehormat Bumitra, Ab Rahman Mohd Ali dan Ketua Bahagian Agensi TH, Anuar Ahmad.

Karnival Haji, Umrah dan Pelancongan 2024 merupakan anjuran bersama Lembaga Tabung Haji (TH) dan Bumitra Malaysia.

Syed Saleh berkata, individu yang terpilih untuk menunaikan haji diingatkan supaya memilih syarikat berdaftar di bawah TH bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku seperti kes penipuan.

Ujarnya, menerusi Karnival Haji, Umrah dan Pelancongan 2024, bakal haji berpeluang untuk menilai kesemua pakej yang ditawarkan oleh 25 syarikat di bawah

PJH dan membuat keputusan tepat mengikut kemampuan serta kehendak masing-masing.

“Bakal jemaah haji akan terima surat tawaran daripada TH dalam masa terdekat dan mereka mempunyai ruang untuk membuat pilihan serta mendaftar dengan PJH selewat-lewatnya akhir Syaaban ini.

“Pihak kami meminta PJH untuk mengadakan pakej Rahmah seperti tahun lepas dan mereka menyambut baik usaha itu dengan menawarkan harga maksimum RM50,000 mengikut kemampuan syarikat masing-masing.

“Bagaimanapun, tawaran itu terhad kepada jumlah yang ditetapkan oleh PJH sendiri dan tertakluk kepada beberapa aspek seperti penerbangan, hotel, makanan serta bayaran perkhidmatan lain di Tanah Suci,” jelasnya.

Mengulas mengenai kos haji, Syed Saleh berkata, setiap tahun ia akan meningkat disebabkan oleh pergerakan mata wang asing dan Cukai Nilai Tambah (VAT) yang diperkenalkan oleh kerajaan Arab Saudi serta beberapa faktor lain.

Tambahnya, perkara itu akan memberi impak kepada TH kerana ia berada di luar kawalan pihaknya.